

**MEMORANDUM**

**PERMASALAHAN HIDUP MASYARAKAT TEMPATAN DI LUAR  
BANDAR DI SARAWAK**

**DARIPADA:**

**JARINGAN PERSATUAN PENDUDUK KAMPUNG WILAYAH BARAM  
DAN NIAH  
d/a Sahabat Alam Malaysia  
P.O Box 216 Marudi  
98050 Baram  
Sarawak.**

**Disember 10, 2023**

**Penerima:**

Yang Amat Berhormat Datuk Seri  
Anwar Ibrahim  
Pejabat Perdana Menteri  
Blok Utama  
Bangunan Perdana Putra  
Pusat Pentadbiran Kerajaan  
Persekutuan  
62502 Putrajaya.

Yang Berhormat Dato' Seri Ahmad  
Zahid Hamidi  
Menteri Kemajuan Desa dan  
Wilayah  
No. 47, Persiaran Perdana  
Presint 4  
Pusat Pentadbiran Kerajaan  
Persekutuan  
62100 Putrajaya.  
[zahid@rurallink.gov.my](mailto:zahid@rurallink.gov.my),  
[megat.norezwan@rurallink.gov.my](mailto:megat.norezwan@rurallink.gov.my),  
[fadzmel@rurallink.gov.my](mailto:fadzmel@rurallink.gov.my),  
[ramlan@rurallink.gov.my](mailto:ramlan@rurallink.gov.my).

Yang Amat Berhormat  
Datuk Amar Abang Abdul  
Rahman Zohari bin Tun Datuk  
Abang Openg  
Premier Sarawak  
Pejabat Premier Sarawak  
Aras 22, Wisma Bapa Malaysia  
Petra Jaya  
93502 Kuching.  
[premier@sarawak.gov.my](mailto:premier@sarawak.gov.my)

Yang Berhormat Datuk Amar  
Douglas Uggah Embas  
Menteri Infrastruktur dan  
Pembangunan Pelabuhan Sarawak  
Aras 4, Baitul Makmur 1,  
Medan Raya, Petra Jaya,  
93050 Kuching.  
[douglasue@sarawak.gov.my](mailto:douglasue@sarawak.gov.my),  
[davinmr@sarawak.gov.my](mailto:davinmr@sarawak.gov.my),  
[chiewcy@sarawak.gov.my](mailto:chiewcy@sarawak.gov.my).

Yang Berhormat Dato Sri Lee Kim  
Shin  
Menteri Pengangkutan Sarawak  
Aras 3, Bangunan Baitul Makmur  
Medan Raya, Petra Jaya  
93050 Kuching.  
[leeks1@sarawak.gov.my](mailto:leeks1@sarawak.gov.my),  
[jongy@sarawak.gov.my](mailto:jongy@sarawak.gov.my),  
[alicejawan@sarawak.gov.my](mailto:alicejawan@sarawak.gov.my)

Yang Berhormat Dato Sri Julaihi  
Narawi  
Menteri Utiliti dan Telekomunikasi  
Sarawak  
Aras 7-10, Menara LCDA  
Lot 2879, The Isthmus  
Off Jalan Bako  
93050 Kuching.  
[julaihi@sarawak.gov.my](mailto:julaihi@sarawak.gov.my),  
[yusufb1@sarawak.gov.my](mailto:yusufb1@sarawak.gov.my),  
[jafri.lias@sarawak.gov.my](mailto:jafri.lias@sarawak.gov.my)

## I PENDAHULUAN

Memorandum ini terhasil daripada beberapa siri pertemuan sesama kami antara tahun 2022 dan yang terakhir sekali, pada November 28, 2023, di sebuah mesyuarat yang dianjurkan oleh Sahabat Alam Malaysia (SAM) yang telah diadakan di Marudi.

Kami yang menghadiri mesyuarat ini adalah terdiri daripada suku kaum Kayan, Kenyah, Iban, Penan dan Melayu yang datang mewakili beberapa buah persatuan penduduk kampung yang terletak di wilayah Marudi, Tinjar, Baram, Niah dan Miri.

Pada pertemuan-pertemuan tersebut, kami telah membincangkan beberapa keadaan permasalahan hidup yang dihadapi oleh komuniti kami di kawasan luar bandar di Sarawak. Antara perkara-perkara yang telah diperbincangkan adalah berkenaan isu pembangunan luar bandar, termasuklah hal ehwal hak tanah adat kami, kekerapan insiden banjir, tatacara pelantikan ketua-ketua kampung dan kekurangan perkhidmatan kemudahan asas, yang rata-rata menjejaskan kualiti hidup dan taraf sosioekonomi kehidupan kami.

Justeru itu, memorandum ini ingin menarik perhatian pihak berkuasa negeri dan persekutuan, agar memberikan maklumbalas segera dan mengambil tindakan-tindakan yang perlu berkenaan dengan segala permasalahan yang dibangkitkan di sini.

## II PERMASALAHAN

### 1. Pencerobohan wilayah hak tanah adat masih lagi berleluasa

Hari ini, masalah pencerobohan hak tanah adat (*native customary rights*, NCR) masih lagi berleluasa di Sarawak. Di Baram, projek perladangan sawit terus dibangunkan di wilayah turun temurun warisan nenek moyang kami tanpa konsultasi dan keizinan komuniti. Ini telah memusnahkan hutan dan kebun-kebun penduduk kampung, termasuklah pelbagai tanaman milik penduduk. Mata pencarian, sumber perubatan dan amalan budaya kami semua telah terjejas teruk akibat dari pencerobohan ini.

Ini merupakan tindakan yang sangat kejam dan zalim terhadap kami yang sudah lama menduduki wilayah tanah hak adat kami semenjak turun temurun.

Kesan-kesan pencerobohan ini adalah meluas. Kami sebagai penduduk kampung yang sebelum ini bergantung kepada sumber-sumber hutan sebagai sebahagian cara hidup kami turun temurun. Pencerobohan wilayah hak tanah adat kami ini telah menyebabkan kami kehilangan sumber mata pencarian, perubatan tradisional dan segala keperluan amalan budaya kami.

Pencerobohan ini juga kadangkala mencetuskan konflik sesama kami sendiri apabila pihak-pihak tertentu bertindak memecahbelahkan penduduk kampung. Kadangkala, konflik ini menyebabkan penduduk berpindah meninggalkan kampung halaman sendiri kerana tidak dapat bertahan dengan pelbagai tohmahan dan tekanan yang dihadapi kerana prinsip mereka yang tidak mahu bersekongkol dengan pihak-pihak tertentu.

## **2. Peningkatan kekerapan insiden banjir**

Akibat dari kehilangan hutan disebabkan oleh pembangunan perladangan monokultur yang tidak terkawal dan diburukkan lagi oleh perubahan iklim, kampung-kampung di luar bandar Sarawak, termasuklah di lembangan Sungai Baram, terpaksa berhadapan dengan masalah peningkatan dalam insiden kekerapan banjir.

Di Baram, peningkatan ini paling teruk melanda kampung-kampung sekitar Long Bemang di Sungai Apoh dan Long Panai di Sungai Tutoh. Sebagai contoh, antara Januari dan Jun 2022 sahaja, kawasan sekitar Long Bemang telah dilanda banjir sebanyak enam kali; yakni dengan purata sebulan sekali.

Akibat banjir yang kerap berlaku, penduduk kampung telah kehilangan banyak harta benda, termasuklah tanaman-tanaman mereka. Rumah penduduk juga sering rosak teruk. Banjir seringkali menenggelamkan kawasan pertanian penduduk, memusnahkan tanaman padi dan sayur-sayuran, malah anak-anak pokok tanaman kontan seperti kelapa sawit. Oleh itu, ekonomi kampung juga terjejas teruk akibat kerugian-kerugian ini.

Sementara itu, bantuan yang diberikan kepada mangsa semasa banjir sememangnya tidak setimpal dengan kerugian kehilangan harta benda serta tekanan hidup yang kami alami akibat dari banjir yang terlalu sering melanda.

### **3. Tatacara pelantikan ketua kampung**

Sistem pelantikan ketua kampung hari ini tidak mempunyai keterbukaan, ketelusan dan akauntabiliti yang sepatutnya.

Ketidakterbukaan prosedur dalam pelantikan ketua kampung telah lama menjadi kebimbangan besar bagi penduduk di kawasan luar bandar Sarawak. Kami mendapati bahawa dalam situasi sebenar, kebanyakan proses pelantikan ketua kaum ini berlaku secara kurang terbuka dan tidak berlandaskan prinsip akauntabiliti. Oleh kerana itu, ketiadaan ketelusan ini boleh menyebabkan tuduhan nepotisme, campur tangan politik, dan juga rasuah.

Amalan-amalan seperti ini tidak hanya merosakkan kepercayaan penduduk, malah ia boleh mengakibatkan perpecahan yang mendalam di dalam sesebuah komuniti itu. Selain itu, jika seseorang ketua kampung tidak dilantik berdasarkan merit, ini boleh mempengaruhi kualiti pentadbiran dan penyampaian perkhidmatan penting, kerana mereka mungkin memberi keutamaan kepada kepentingan peribadi berbanding keperluan penduduk.

Pelantikan ketua kampung seharusnya dilakukan dengan konsensus pemilihan penduduk secara terbuka dan berasaskan merit, seperti cara asal tradisi komuniti, dan bukan atas lantikan pihak kerajaan negeri. Sistem sekarang telah banyak menjejaskan kualiti pentadbiran dan penyampaian perkhidmatan penting kepada rakyat.

### **4. Kemudahan asas rakyat tidak dipenuhi**

Rata-rata penduduk kampung di luar bandar Sarawak hari ini masih lagi tidak dapat menikmati perkhidmatan kemudahan yang paling asas, yang dinikmati oleh rakyat lain di bandar. Rakyat di luar bandar di Sarawak hari ini masih lagi berhadapan dengan sistem pengangkutan yang buruk dan kesulitan untuk mencapai bekalan air bersih, tenaga dan telekomunikasi.

#### **(i) Jalan akses kampung tidak diperbaiki dan diselenggara**

Hari ini, terdapat banyak kampung yang terletak jauh di pedalaman Sarawak yang masih lagi tidak mempunyai jalan akses yang baik dan hanya boleh dihubungi menerusi sungai. Sementara itu, bagi kampung-kampung yang mempunyai jalan akses yang asalnya merupakan jalan pembalakan, kebanyakan jalan-jalan tidak berturap ini juga masih lagi tidak diselenggara dengan baik setelah operasi pembalakan berakhir.

Semasa musim hujan, jalan-jalan ini boleh menjadi hampir sukar dan berbahaya untuk dilalui oleh kenderaan kerana hakisan dan berlubang teruk. Walaupun seringkali aduan telah dilakukan kepada pihak berkuasa, tiada sebarang tindakan telah diambil.

Keadaan ini tentunya menyulitkan kami untuk mencapai kemudahan awam yang lain, dari perkhidmatan kesihatan ke pendidikan. Selain itu, keadaan ini juga menjadi cabaran utama dalam sebarang pelaksanaan projek luar bandar, menyukarkan kerja-kerja penghantaran bahan-bahan projek.

Ringkasnya, tanpa jalan akses yang baik, amat sukar untuk penduduk luar bandar mempertingkatkan taraf sosioekonomi mereka.

## **(ii) Capaian rendah terhadap sumber air bersih**

Isu akses yang terhad kepada sumber air bersih adalah juga isu yang sering dihadapi oleh banyak penduduk di luar bandar di Sarawak. Dalam situasi sebenar, masalah ini sering membawa kesukaran yang amat ketara.

Operasi pembalakan dan sekarang perladangan telah banyak mencemarkan sungai-sungai yang pada asalnya merupakan sumber bekalan air bersih kami. Hari ini, kampung-kampung di luar bandar seringkali tidak mempunyai sumber air yang boleh dipercayai selamat dalam kuantiti yang mencukupi. Ini secara langsung memaksa penduduk bergantung kepada air sungai yang tidak dirawat, perigi dengan kapasiti sederhana yang mudah tercemar ataupun air tadahan hujan.

Masalah bekalan air bersih yang tidak cukup sering kali berlaku terutama sekali pada musim kemarau yang berpanjangan. Pada musim kemarau, kami terpaksa bergantung kepada tangki simpanan air sebesar 4,000 liter sahaja. Ini sememangnya tidak mencukupi untuk sebuah keluarga jika kemarau berterusan sehingga dua atau tiga minggu.

Ketiadaan akses kepada air bersih juga menghalang peluang ekonomi yang lain, kerana ia mempunyai kesan terhadap aktiviti pertanian, penternakan dan produktiviti ekonomi kampung secara keseluruhannya. Tanpa akses yang boleh dipercayai kepada air bersih, kami semestinya

## **(iii) Ketiadaan sumber elektrik atau sumber elektrik yang mahal**

Masalah ketiadaan bekalan elektrik yang dialami oleh penduduk kampung di kawasan luar bandar Sarawak sehingga ke hari ini amatlah dikesali. Ekoran

dari masalah ini, kami terpaksa mendapatkan bekalan elektrik dengan menggunakan mesin janakuasa sendiri di kampung masing-masing.

Perkara ini sangatlah membebankan kami, berikutan kos untuk membeli diesel yang sangat mahal. Penduduk terpaksa membelanjakan lebih setiap bulan bagi membeli bekalan minyak diesel, hanya untuk penjanaan elektrik dari jam 6 petang hingga 10 malam. Di samping itu, kos penyelenggaraan juga amat membebankan penduduk pendalaman apabila janakuasa-janakuasa ini rosak kerana ia memerlukan perbelanjaan kos pembaikan yang sangat tinggi.

#### **(iv) Sistem telekomunikasi yang terhad**

Sistem telekomunikasi di luar bandar Sarawak kini masih lagi berada dalam keadaan yang tidak memuaskan. Ini sangat menyukarkan kami untuk mendapatkan akses untuk berhubung sesama sendiri atau dengan pihak luar.

Meskipun menara telekomunikasi sudah didirikan di kebanyakan kawasan berdekatan, ramai penduduk luar bandar masih lagi mengalami masalah untuk mengakses perkhidmatan telekomunikasi. Oleh sebab itu, di dalam situasi kecemasan seperti krisis perubatan atau bencana alam, ketiadaan sistem telekomunikasi yang berkesan boleh membawa risiko kehilangan nyawa. Tambahan pula, ia menghalang peluang pendidikan untuk golongan muda, kerana mereka menghadapi kesukaran dalam pembelajaran jarak jauh akibat sambungan internet yang lemah atau tidak ada.

Dari segi ekonomi, infrastruktur telekomunikasi yang terhad menghalang aktiviti perniagaan dan pembangunan ekonomi. Usahawan luar bandar dan perniagaan kecil menghadapi kesulitan untuk mengakses pasaran dan menjalankan transaksi kewangan. Isu ini memperkukuhkan jurang pembangunan antara bandar dan luar bandar serta membataskan peluang yang ada untuk komuniti pribumi Sarawak.

## **IV TUNTUTAN**

### **1. Memberi pengiktirafan rasmi dan kehormatan undang-undang terhadap hak tanah adat kami**

Kami menuntut agar kerajaan negeri Sarawak mengiktiraf hak tanah adat kaum pribumi ke atas wilayah *pemakai menoa* kami, termasuklah tanah *temuda* dan *pulau galau* kami, berasaskan hak kami yang diwarisi secara turun temurun. Kami tidak akan melepaskan hak adat kami ini,

termasuklah hak ke atas wilayah pemakai menoa kami. Keluasan wilayah kami adalah berdasarkan sempadan sebenar yang ditentukan oleh nenek moyang kami.

Hak tanah adat kami ini telah diiktiraf oleh mahkamah sebagai hak ke atas harta yang dilindungi di bawah Perkara 13 Perlembagaan Persekutuan. Mahkamah juga telah mengesahkan bahawa hak tanah adat kami wajib difahami seperti mana yang telah dikembangkan oleh adat kami secara lisan oleh datuk nenek moyang kami.

Oleh itu, lesen-lesen pembalakan dan perladangan tidak boleh lagi dikeluarkan ke atas wilayah-wilayah tanah adat kami.

## **2. Menyelesaikan masalah banjir**

Pihak kerajaan wajib mengambil tindakan-tindakan yang perlu untuk menyelesaikan masalah kekerapan banjir di pedalaman Sarawak hari ini.

Pertamanya, operasi yang memusnahkan hutan tadahan hujan mestilah dihentikan. Kedua, tindakan-tindakan adaptasi perlu dirancang dan dilaksanakan untuk mengurangkan risiko banjir berlaku berulang kali di kampung-kampung. Ini termasuklah tindakan memperbaiki sistem saliran dan perparitan dan mempertimbangkan penanaman pokok-pokok penyerap air seperti pokok bambu. Selain itu, dana juga perlu disediakan untuk tindakan-tindakan lain seperti mendirikan dinding tebatan banjir atau malah mendirikan rumah panjang baru di kawasan yang lebih tinggi dan selamat bagi kampung-kampung berisiko tinggi seperti di kawasan sekitar Long Bemang dan Long Panai.

Secara keseluruhannya, pihak kerajaan juga perlu mengambil langkah untuk merancang dan melaksanakan projek pembangunan yang bersepadu dan merancang sistem penebatan banjir yang berkesan untuk kawasan pedalaman Sarawak.

## **3. Memperbaiki tatacara pemilihan dan pelantikan ketua kampung dengan melibatkan persetujuan bersama penduduk kampung**

Kami menggesa kerajaan negeri melakukan reformasi terhadap tatacara pelantikan ketua-ketua kampung. Sistem hari ini tidak mempunyai keterbukaan, ketelusan dan akauntabiliti yang sepatutnya.

Sepatutnya, pemilihan diadakan secara terbuka bagi memastikan bahawa individu yang dipilih itu benar-benar mempunyai kelayakan untuk



dilantik memegang jawatan tersebut di dalam sesebuah kampung. Proses ini mestilah adil dan telus – kriteria-kriteria pemilihan dan pelantikan ketua kampung mestilah jelas.

Dalam hal ini, Majlis Adat Istiadat Sarawak bolehlah memainkan peranan untuk menggalakkan pemilihan pucuk pimpinan kampung-kampung orang asal dilaksanakan berdasarkan adat warisan kami. Ini melibatkan sistem pemilihan berdasarkan merit kepimpinan individu-individu yang layak, melalui proses konsensus komuniti dan bukannya lantikan satu hala pihak kerajaan negeri, tanpa konsultasi dan ketelusan.

#### **4. Kemudahan asas: Penambahbaikan dan penyelenggaraan**

Belanjawan 2024 di peringkat kerajaan persekutuan telah memperuntukkan sejumlah RM11.6 bilion kepada Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) untuk mempertingkatkan prasarana dan ekonomi luar bandar. RM7 bilion daripada jumlah tersebut dilaporkan telah dikhususkan bagi pembangunan luar bandar seperti kemudahan, air, elektrik, pencapaian jalur lebar, pembaikan dan pembinaan jalan raya.

Sementara itu, kerajaan negeri Sarawak telah memperuntukkan sebanyak 65 peratus daripada Belanjawan Sarawak 2024 untuk pembangunan kawasan luar bandar. Tumpuan dalam bajet tersebut merangkumi sektor kemudahan asas seperti jalan raya, bekalan elektrik dan air serta pembangunan ekonomi.

Dengan segala peruntukan ini, kami berharap tumpuan yang sewajarnya dapat diberikan untuk mempertingkatkan mutu kemudahan asas di kawasan pedalaman Sarawak:

##### **(i) Penambahbaikan dan penyelenggaraan jalan ke kampung-kampung**

Kami menuntut peruntukan, perancangan dan pelaksanaan yang sewajarnya dilakukan untuk memastikan penambahbaikan dan penyelenggaraan infrastruktur pengangkutan di kawasan luar bandar Sarawak. Jalan-jalan pembalakan dan perladangan yang tidak berturap perlu dinaiktaraf untuk memastikan penduduk di luar bandar memiliki tahap mobiliti yang baik dan selamat. Jambatan-jambatan yang kukuh juga perlu dibina untuk memudahkan pergerakan penduduk setempat, terutama sekali ke kebun-kebun mereka.

Jika ini tidak dilakukan, jalan-jalan ini akan menjadi semakin sukar dan berbahaya untuk dilalui, terutama sekali semasa musim tengkujuh. Kesukaran ini dirasakan oleh segenap lapisan komuniti luar bandar – termasuklah kanak-kanak dan remaja yang masih bersekolah, ibu-ibu yang mengandung serta individu-individu yang uzur. Malah, pada musim kemarau, jalan-jalan ini juga akan berdebu teruk, menyebabkan ketidakselesaan yang amat ketara kepada para pengguna jalan. Keadaan ini sering diburukkan lagi oleh pelbagai kenderaan berat yang turut menggunakan jalan yang sama.

Sistem pengangkutan yang baik dan selamat juga amat penting untuk memudahkan agensi-agensi kerajaan yang terlibat untuk melaksanakan pelbagai projek pembangunan luar bandar kerajaan persekutuan dan negeri. Ini termasuklah pelaksanaan projek bekalan elektrik luar bandar, projek bekalan air luar bandar, bekalan air alternatif dan projek lampu jalan kampung.

**(ii) Capaian rendah terhadap sumber bekalan air bersih**

Pelaksanaan projek penyaluran paip air berasas graviti untuk disalurkan ke kampung-kampung di kawasan pedalaman wajib diteruskan. Di samping itu, sistem penyelenggaraan yang konsisten juga perlu disediakan untuk memastikan saluran paip yang rosak, terutama sekali akibat dari operasi pembalakan dan perladangan dapat diperbaiki secepat yang mungkin.

Kampung-kampung di pedalaman Sarawak perlu dipastikan tidak lagi mengalami masalah sumber bekalan air bersih yang sering terputus.

**(iii) Capaian rendah terhadap sumber bekalan tenaga yang murah**

Rumah-rumah panjang yang terletak di pedalaman dan berjauhan antara satu sama lain amat sesuai dibekalkan dengan sumber tenaga yang boleh diperbaharui seperti tenaga solar dan empangan kecil. Setakat ini, sektor tenaga boleh diperbaharui untuk kawasan luar bandar Sarawak belum lagi dibangunkan dengan baik.

**(iv) Sistem telekomunikasi yang berkesan**

Kami berharap agar pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sentiasa memantau perkhidmatan jalur lebar mudah alih terutamanya di kawasan luar bandar supaya pihak perkhidmatan akan melakukan penambahbaikan kualiti perkhidmatan dengan mengoptimumkan atau menaik taraf menara-menara sedia ada.









Kerjasama juga perlu dipertingkatkan bersama Sarawak Multimedia Authority (SMA), Sarawak Digital Economy Corporation (SDEC) dan Sarawak State Modernisation Unit (SSMU) untuk memastikan masalah capaian internet yang rendah di kawasan luar bandar Sarawak akan segera diatasi.

Kami percaya pihak SMA khususnya sudah mengambil maklum berkenaan isu menara telekomunikasi yang telah siap dibina di kawasan pedalaman tetapi masih belum beroperasi. Hal ini kerana, penyediaan peralatan telekomunikasi mengambil masa yang panjang menyebabkan ia tidak disiapkan pada masa yang sepatutnya. Oleh itu, diminta agar pihak kerajaan dapat mempercepatkan usaha mengambil kira spesifikasi peralatan yang digunakan agar dapat meneruskan proses pemasangan menara telekomunikasi tersebut dengan kadar yang lebih pantas.

## **V PENUTUP**

Kami berharap segala permasalahan dan tuntutan yang dikemukakan di dalam memorandum ini akan diberi perhatian yang serius oleh pihak kerajaan negeri Sarawak dan Kerajaan Persekutuan.

## Tandatangan Wakil-Wakil Persatuan Penduduk Kampung:

1.   
Lajen Anyi  
(670811-13-5201)  
Persatuan Penduduk Kampung Long Tepen, Pelutan, Baram
2.   
Peter Anak Tom  
(610601-13-5719)  
Persatuan Penduduk Sungai Buri
3.   
Bangga Anak Kerdit  
(740717-13-5951)  
Persatuan Penduduk Rh. Lachi anak Bikang, Sebatuk Baru, Suai Niah
4.   
Roseta Anak Mawa  
(850428-13-6090)  
Persatuan Penduduk Logan Entasan, Marudi
5.   
Rubin Alah  
(650512-13-5385)  
Persatuan Penduduk Long Pilah, Telang Usan, Miri
6.   
Saging Ngau  
(620615-13-5831)  
Persatuan Penduduk Kampung Long Miri, Baram, Sarawak
7.   
Robertson Belayong  
(830703-13-5933)  
Persatuan Penduduk Rumah Labang, Nanga Seridan Tinjar Beluru Miri
8.   
Peter Abung  
(700403-13-5661)  
Persatuan Penduduk Kampung Long Luyim, Sungai Pelutan

9.  .....

Ubin Anak Telajan  
(730108-13-5033)  
Persatuan Penduduk Iban Marudi, Baram